

Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi) terhadap Remaja Mangsa Buli Siber

(Validity and Reliability of the Islamic Psychospiritual Integration Guidance Module (MBi-Psi) for Adolescent Victims of Cyber Bullying)

Mapatan Sudin^{1*}, Md Noor Saper², Nor Sayyidatina Che Rozubi³

¹Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: mapatans@yahoo.com

²Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: md.noor@fpm.upsi.edu.my

³Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: sayyidatina@fpm.upsi.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mapatan Sudin
(mapatans@yahoo.com)

KATA KUNCI:

Kesahan
Kebolehpercayaan
Mangsa Buli Siber
Modul Bimbingan Integrasi
Psikospiritual Islam

KEYWORDS:

Validity
Reliability
Victims of Cyberbullying
Islamic Psychospiritual
Integration Guidance Module

CITATION:

Mapatan Sudin, Md Noor Saper, & Nor Sayyidatina Che Rozubi. (2022). Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi) terhadap Remaja Mangsa Buli Siber. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001676. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1676>

ABSTRAK

Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi) dibina untuk pencegahan buli siber bagi meningkatkan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak. Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam mengandungi 10 sub modul berasaskan pendekatan Terapi Kognitif Tingkah laku (TKT) oleh Aaron Beck dan diintegrasikan dengan Model Psikospiritual oleh al-Ghazali. Kesahan kandungan modul diukur dengan mendapatkan kesahan pakar daripada sembilan pakar berlatarbelakangkan psikologi dan kaunseling, pembinaan modul dan keagamaan. Seramai 35 orang remaja tingkatan dua yang bercirikan mangsa buli siber dipilih untuk mengikuti kelompok bimbingan menggunakan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi) selama lima minggu berturut-turut. Dapatan kajian menunjukkan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam mempunyai nilai indeks kesahan kandungan yang tinggi iaitu .90. Manakala nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha adalah .95. Kesimpulannya Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam merupakan sumbangan baharu kepada pengamal bimbingan dan kaunseling di Malaysia. Modul ini juga boleh digunakan guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah dan fasilitator sebagai alternatif intervensi pencegahan buli siber di sekolah.

ABSTRACT

An Islamic Psychospiritual Integration Guidance Module (MBi-Psi) was developed for the prevention of cyberbullying to increase self-esteem, self-efficacy and coping. The Islamic Psychospiritual Integration Guidance Module contains 10 sub-modules based on the Cognitive Behavioral Therapy

(TKT) approach by Aaron Beck and integrated with the Psychospiritual Model by al-Ghazali. The validity of the module content was measured by obtaining expert validity from nine experts with backgrounds in psychology and counseling, module construction and religion. A total of 35 form two adolescents who are victims of cyber bullying were selected to follow the guidance group using an Islamic Psychospiritual Integration Guidance Module (MBi-Psi) for five consecutive weeks. The findings of the study showed that an Islamic Psychospiritual Integration Guidance Module had a high content validity index value of .90. While the value of cronbach's alpha reliability coefficient is .95. In conclusion, an Islamic Psychospiritual Integration Guidance Module is a new contribution to guidance and counseling practitioners in Malaysia. This module can also be used by full -time guidance and counseling teachers in schools and facilitators as an alternative to cyber bullying prevention interventions in schools.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang pada perspektif baharu berkenaan integrasi psikospiritual Islam dalam pencegahan buli siber. Kajian ini juga menghasilkan modul baru iaitu Modul Bimbingan Integrasikan Psikospiritual Islam (MBi-Psi) dalam aspek pencegahan buli siber.

1. Pengenalan

Revolusi perindustrian 4.0 telah menyaksikan masyarakat dunia berinteraksi dengan pantas. Rumah pintar, kereta pintar, telefon pintar dan banyak lagi elemen pintar diterjemahkan dalam teknologi pintar melalui industri 4.0. Malaysia sebagai sebuah negara yang menuju kepada negara maju juga tidak ketinggalan dengan memperkenalkan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR). Dasar Revolusi Perindustrian 4.0 menyediakan keperluan masa hadapan untuk kesalinghubungan melalui pembangunan infrastruktur digital dan penyesuaian kepada perubahan teknologi (Shukri Mohamad, 2019). Perkembangan revolusi perindustrian 4.0 juga memberi kesan secara langsung kepada bidang pendidikan bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan berasaskan Revolusi Industri 4.0.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem pembelajaran yang fleksibel dan interaktif seperti mengadakan smart class room, pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Normalina dan Yusmarwati (2019) menyatakan elemen penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan telah dirangka dan dilaksanakan bagi memenuhi dasar untuk mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. Penggunaan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan telah memberikan banyak kebaikan kepada pelajar. Teknologi maklumat dan komunikasi dapat membantu dalam peningkatan pencapaian dalam bidang pendidikan (Normalina & Yusmarwati, 2019).

Namun penggunaan teknologi maklumat khususnya dalam kalangan remaja boleh mendatangkan kesan negatif kepada penggunaanya khususnya berlaku kejadian buli siber di laman sosial. Buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (SMS), mesej (*chatting*), e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet (Brady et al.,

2010). [Che Hasniza dan Mohd Yusri \(2014\)](#) berpendapat bahawa buli siber merupakan buli alam maya yang dilaksanakan oleh pelaku dengan menghantar mesej dan penyebaran video peribadi tanpa kebenaran dengan tujuan menghina dan menjatuhkan maruah mangsa.

Buli siber memberikan pelbagai kesan khasnya kepada mangsa buli siber seperti kemurungan, masalah kesihatan, rendah diri dan pemikiran membunuh diri ([Olweus, 2014](#)). Menurut *Australian Federal Police* (AFP), antara kesan aktiviti buli alam siber adalah seperti wujudnya perasaan malu, takut dalam diri, prestasi akademik menurun, hilang keyakinan diri, keinginan membalas dendam dan mangsa buli siber akan melakukan perkara buruk terhadap diri sendiri ([Azianura Hani & Mohammad Rahim, 2019](#)). Bagi mencegah perbuatan buli siber ini yang telah memberi kesan kepada fizikal, emosi dan mental remaja, maka satu intervensi berbentuk pembinaan modul dibina bagi meningkatkan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak remaja.

Oleh yang demikian, satu modul menggunakan pendekatan pencegahan melalui bimbingan dan kaunseling dibina bagi pencegahan kepada remaja mangsa buli siber yang dikenali sebagai Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI). Modul ini diyakini dapat meningkatkan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak remaja menghadapi buli siber. Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI) dibina berasaskan pendekatan integrasi teori konvensional iaitu Terapi Kognitif Tingkah laku (TKT) oleh [Beck \(1976\)](#) dan juga model Psikospiritual Islam oleh al-Ghazali ([Nor Ezdanie & Mohd Tajuddin, 2019](#)).

Terapi Kognitif Tingkah laku menekankan aspek kognitif yang akan mempengaruhi aspek emosi dan tingkah laku. Manakala Model Psikospiritual Islam al-Ghazali pula menekankan usaha bersepadu antara elemen roh (*ruh*), hati (*qalbu*), jiwa (*nafs*) dan akal (*aql*) ke arah insan kami melalui kesempurnaan spiritual iaitu kepercayaan kepada Tuhan, amalan ritual dan bertingkah laku dengan baik berdasarkan al-Quran. Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI) merupakan satu pakej pembelajaran mengandungi 10 sub modul dan 13 aktiviti yang dirancang secara sistematik berdasarkan teori dan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam merupakan panduan kepada fasilitator dalam mengendalikan sesi bimbingan kelompok secara sistematik bagi meningkatkan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak remaja yang menjadi mangsa buli siber.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi

- i. Mengukur nilai kesahan kandungan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam
- ii. Mengukur nilai kebolehppercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam

2. Sorotal Literatur

Gangguan buli siber berpotensi besar menjejaskan aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku remaja, maka program-program intervensi menangani masalah tersebut perlu diberikan perhatian serius ([Chan & Wong, 2015](#)). Antara intervensi yang dilakukan bagi pencegahan buli siber di negara-negara barat adalah melalui Terapi Kognitif Tingkah laku (TKT) yang diperkenalkan oleh Aaron Beck dalam tahun 1960 an. Terapi Kognitif Tingkah laku (TKT) mengandaikan bahawa tingkah laku salah dan gangguan emosi merupakan hasil daripada bentuk pemikiran yang tidak rasional.

Keberkesanan TKT tidak dapat dinafikan dalam menyelesaikan masalah emosi, pemikiran dan tingkah laku remaja khususnya dalam membantu mangsa buli siber namun masih ada ruang untuk memantapkan lagi TKT dengan menyuntik elemen Islam kepada TKT agar menepati kehendak masyarakat Islam di negara ini. [Widing dan Milne \(2006\)](#) telah mengkritik keberkesanan TKT dengan menyatakan TKT hanya berkesan dari sudut percakapan dan individu yang mempunyai kecerdasan yang tinggi sahaja, pendekatan TKT hanya terapi yang logik, mudah difahami dan mempunyai jalan penyelesaian yang biasa serta tidak memfokuskan emosi dalam rawatan. Selain itu juga, Terapi Kognitif Tingkah laku banyak memberi fokus kepada kognitif dan tingkah laku tetapi telah mengabaikan aspek emosi manusia ([Friedman et al., 2008](#)). TKT juga mendahulukan pemikiran berbanding hati. Islam telah memberikan penekanan kepada fungsi hati yang merupakan raja kepada anggota badan. Oleh itu pembangunan modul yang mengintegrasikan antara teori konvensional dan Islam perlu dibangunkan dan dikembangkan dalam membantu mangsa buli siber meningkatkan aspek penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak menghadapi buli siber. Modul integrasi Psikospiritual Islam masih mengekalkan prinsip-prinsip asas TKT.

Modul yang baik perlu melalui kajian rintis sebelum boleh digunakan di lapangan. Aspek kesahan dan kebolehpercayaan modul merupakan kriteria utama dalam pembangunan modul. Terdapat beberapa pengkaji membuat kajian kesahan dan kebolehpercayaan seperti [Md Noor Saper et al. \(2016\)](#), [Mohd Zaharen et al. \(2019\)](#), [Norsayyidatina \(2017\)](#), [Nur Aziilah \(2021\)](#) dan [Nur Liyana \(2016\)](#). Kesahan merujuk kepada sejauh mana sesuatu alat kajian digunakan untuk mengukur dengan tepat ciri-ciri yang dikaji dalam sesuatu kajian ([Pallant, 2001](#)). Kesahan sesuatu alat ukuran juga merujuk kepada sejauh mana alat tersebut itu mengukur data yang sepatutnya ([Reynolds, 1984](#)). Kesahan sesuatu modul bagi modul pentaksiran perlu mempunyai lima perkara iaitu, memenuhi sasaran populasi, situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah sesuai, masa yang diperuntukkan untuk menjalankan atau kaedah pelaksanaan modul adalah mencukupi, modul berjaya menghasilkan peningkatan pencapaian pelajar dalam aspek yang disasarkan, dan modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah lebih cemerlang ([Russell, 1974](#)).

Kebolehpercayaan sesuatu modul pula ditentukan apabila sampel dapat menguasai objektif dan juga dapat mengikuti langkah-langkah bagi setiap aktiviti di dalam modul yang dilaksanakan dengan berkesan. Menurut [Russell \(1974\)](#) bagi menguji kebolehpercayaan sesuatu modul boleh dilihat sejauh mana ahli yang mengikuti kelompok dapat mengikuti kandungan modul. Manakala menurut [Jamaluddin \(2002\)](#) dan [Md Noor Saper \(2012\)](#), instrumen penilaian keberkesanan dan kesempurnaan modul boleh dibuat dengan dua cara iaitu, melalui soalan item yang dicipta berdasarkan objektif dan kedua soalan item berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di dalam setiap aktiviti modul. Nilai *Cronbach Alpha* digunakan bagi tahap nilai kebolehpercayaan. Kebanyakan pengkaji mencadangkan nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.8 menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi ([Cohen et al., 2009](#)). Selain itu juga, terdapat pengkaji yang menerima nilai *alpha Cronbach* pada aras 0.7 ([Robinson et al., 1991](#)).

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif pendekatan kuantitatif melibatkan analisis kesahan kandungan dan analisis kebolehpercayaan. Bagi mendapatkan kesahan kandungan, dua kaedah pengesahan pakar dijalankan iaitu kesahan dari segi pembahagian konstruk (sesi) dan sub konstruk (aktiviti dalam sesi) yang dicadangkan

oleh [Mohammad Aziz Shah \(2010\)](#) dan kesahan kandungan berdasarkan kaedah [Russell \(1974\)](#). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perakuan pakar penilai bidang seperti yang dicadangkan oleh [Creswell \(2005\)](#) dan [Johnson dan Onwuegbuzie \(2004\)](#) bagi menentukan kesahan kandungan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI). Sembilan orang panel pakar dipilih berdasarkan pandangan [Brinkman \(1995\)](#) yang menyatakan enam hingga sembilan pakar memadai dalam membuat penilain terhadap sub konstruk dan item kajian. Profil panel pakar adalah seperti dalam [Jadual 1](#) berikut:

Jadual 1: Profil Panel Kesahan Pakar

Bil	Profil Ringkas	Institusi	Bidang Kepakaran
1	Prof Emeritus Datuk Dr (Pensyarah)	UniSHAMS	Bimbingan dan Kaunseling
2	Profesor (Pensyarah)	UPSI	Psikologi dan Kaunseling dan Pembinaan Modul
3	Profesor Madya (Pensyarah)	UKM	Psikologi dan Kaunseling
4	Dr (Pensyarah)	UMT	Psikologi dan Kaunseling Islam
5	Dr (Pegawai Psikologi)	SPRM	Psikologi dan Kaunseling
6	Kaunselor Berdaftar (Pegawai Kaunseling Jabatan Agama)	MAINS	Psikologi dan Kaunseling (Keagamaan)
7	Profesor (Pensyarah)	USAS	Bimbingan dan Kaunseling dan Pembinaan Modul
8	Profesor Madya (Pensyarah)	UMS	Psikologi Kaunseling
9	Dr (Kaunselor Berdaftar)	FTANS	Bimbingan dan Kaunseling

Penentuan panel pakar berdasarkan kepada kebolehan mereka dalam bidang bimbingan dan kaunseling, ahli akademik di Universiti, pakar dalam pembangunan modul dan pakar dalam bidang bimbingan dan kaunseling serta dalam bidang kaunseling keagamaan. Bagi menentukan tahap isi kandungan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam, seramai sembilan panel pakar telah dipilih dan diberikan set soal selidik kesahan kandungan berdasarkan perspektif [Russell \(1974\)](#) yang diubah suai dan diterjemahkan oleh [Sidek dan Jamaluddin \(2005\)](#) merangkumi sepuluh mata pilihan iaitu 1 (sangat tidak setuju) hinggalah 10 (sangat setuju). Sesebuah modul mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila memperoleh 70 peratus dan dianggap telah menguasai atau memiliki pencapaian yang tinggi ([Sidek & Jamaluddin, 2005](#)). Tahap kesahan kandungan modul ditentukan berdasarkan, jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus.

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (x)}}{\text{Jumlah Skor Keseluruhan (y)}} \times 100 \text{ Peratus} = \text{Tahap Kesahan Kandungan Modul}$$

Satu set soal selidik telah dibina bagi mendapatkan kebolehpercayaan modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam berdasarkan pandangan [Mohammad Aziz Shah \(2018\)](#). Soal

selidik MBI-PsI dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha*. Asas bagi kebolehpercayaan yang baik diambil daripada [Kerlinger \(1979\)](#) bahawa sesuatu soal selidik yang mempunyai nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.6 pada aras signifikan .05 adalah sesuatu yang baik. Manakala nilai kebolehpercayaan yang tidak mencapai nilai 0.60 bermaksud MBI-PsI tahap konsistensi yang kurang baik dan perlu dibaiki.

4. Dapatan Kajian

4.1. Dapatan Kajian Kesahan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI)

Dapatan kajian kesahan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam berdasarkan soal selidik kesahan kandungan modul [Russell \(1974\)](#) oleh sembilan pakar seperti [Jadual 2](#) di bawah.

Jadual 2: Nilai Kesahan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI)

Bil	Pernyataan	Peratus (%)	Pandangan Pakar
1	Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya.	92	Diterima
2	Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	91	Diterima
3	Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	91	Diterima
4	Kandungan modul ini boleh meningkatkan penghargaan sendiri remaja mangsa buli siber.	90	Diterima
5	Kandungan modul ini boleh meningkatkan efikasi sendiri remaja mangsa buli siber.	89	Diterima
6	Kandungan modul ini boleh meningkatkan daya tindak remaja mangsa buli siber	91	Diterima

[Jadual 2](#) menunjukkan nilai peratusan berdasarkan penilaian pakar. Peratus minimum kesahan kandungan MBI-PsI ialah 89 peratus iaitu terhadap pernyataan kandungan modul ini boleh meningkatkan efikasi sendiri remaja mangsa buli siber. Peratusan maksimum ialah 92 peratus bagi pernyataan kandungan MBI-PsI ini menepati sasaran populasinya. Peratusan bagi pernyataan kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna, kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan dan kandungan modul ini boleh meningkatkan daya tindak remaja mangsa buli siber mencatatkan peratusan kandungan yang sama iaitu 91 peratus. Secara keseluruhannya kesahan kandungan MBI-PsI adalah bertepatan dan bersesuaian dengan sasaran modul berkenaan.

Dapatan nilai kesahan kandungan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI) berdasarkan sesi dan aktiviti adalah seperti dalam [Jadual 3](#):

Jadual 3: Nilai Kesahan Sesi dan Aktiviti Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-PsI) berdasarkan penilaian pakar.

Modul/Sub Modul	Aktiviti/Pengisian	Peratusan (%)	Pandangan Pakar
Pra Sesi	Borang perjanjian termaklum Memberi taklimat (etika kelompok)	91	Diterima
Sesi 1: Berkenalan	Aktiviti 1: Berkenalan (<i>taaruf</i>) dan membina hubungan (<i>rapport</i>)	89	Diterima
Sesi 2: Analisis Diri 1 (<i>Ma'rifah an-Nafs</i>) "Advantage and Disadvantages Analysis"	Aktiviti 2: Pengenalan Buli Siber	88	Diterima
	Aktiviti 3: Kekuatan, Kelemahan dan Potensi Diri	88	Diterima
	Aktiviti 4: Kotak Supernova	90	Diterima
Sesi 3: Analisis Diri 2 (<i>Takhalli</i>) "Teknik Rekod Pemikiran Tidak Rasional"	Aktiviti 5: Peristiwa di alam siber	88	Diterima
Sesi 4: Keajaiban Hati (<i>Takhall</i>) "Exposure-Pendedahan"	Aktiviti 6: Penyakit-Penyakit hati	88	Diterima
Sesi 5: Kemana arahku (<i>Takhalli</i>) "Penstukturan Semula Kognitif"	Aktiviti 7: Gunting dan Buang	90	Diterima
Sesi 6: Liku-Liku Hidupku (<i>Takhalli</i>) "Thought Stopping"	Aktiviti 8: I-Cat Siber	90	Diterima
	Aktiviti 9: Ku Sedar (Tayangan Video)	89	Diterima
Sesi 7: Ubat Diri 1 (<i>Tahalli</i>) "Problem Solving"	Aktiviti 10: Daya tindak hadapi buli siber	90	Diterima
	Aktiviti 11: Misi Diri	90	Diterima
Sesi 8: Ubat Diri 2 (<i>Tahalli</i>) "Building up confidence"	Aktiviti 12: Keperluan Penghargaan Kendiri	89	Diterima
	Aktiviti 13: Keperluan Efikasi Kendiri	90	Diterima
Sesi 9: Nilai Diri (<i>Muhasabah</i>) "Penstrukturan semula kognitif"	Aktiviti 14: Semak Semak Tindakan Perubahan Diri	89	Diterima
Sesi 10: Inilah Jalanku (<i>As-Saadah</i>)	Aktiviti 15: Surat Ucapan Penutup	90	Diterima

"Teknik Relaksasi dan Home Work"	Aktiviti 16: Penamatan/Rumusan	91	Diterima
Keseluruhan		89	Diterima

Jadual 3 menunjukkan peratusan keseluruhan sesi dan aktiviti modul MBI-Psi adalah sebanyak 89 peratus. Peratusan minimum adalah bagi aktiviti pengenalan buli siber, kekuatan, kelemahan dan potensi diri, peristiwa di alam siber dan dan aktiviti penyakit-penyakit hati yang mencatatkan 88 peratus. Peratusan maksimum ialah bagi aktiviti pra sesi dan aktiviti penamatan iaitu sebanyak 91 peratus. Ini bermaksud kandungan MBI-Psi yang dibangunkan bersesuaian dengan objektif yang telah digariskan.

Selain itu juga, pakar yang dilantik telah memberikan komen secara bertulis berkaitan kandungan modul MBI-Psi agar dilakukan penambahbaikan berdasarkan [Jadual 4](#).

Jadual 4: Dapatan Maklum Balas dan Komen untuk Penambahbaikan oleh Pakar

Pakar	Komen dan Penambahbaikan
1	Secara keseluruhannya, saya berpuashati dengan apa yang diusahakan. Pengkaji mengambil kira perkembangan kognitif peserta dalam memikirkan jenis-jenis aktiviti yang hendak dijalankan. Mudah-mudahan bila dilaksanakan kelak, kejayaan dicapai seperti yang dihasratkan. Saya teruja dengan kemasukan ayatul Quran dan hadith di dalam membantu peserta dengan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan juga daya tindak peserta.
2	Baik dan bersesuaian dengan objektif modul
3	Bersesuaian. Lihat komen dalam modul
4	Modul yang baik untuk bimbingan. Pada pandangan saya, pelaksanaan modul ini memerlukan pembina modul memberikan latihan yang intensif kepada fasilitator. Semoga berjaya
5	Aktiviti yang pelbagai dan dapat menarik perhatian dan fokus responden. Jika ia dijalankan secara <i>online</i> (mengikut kesesuaian sekarang) ia perlu dipelbagaikan kaedah.
6	Secara keseluruhannya modul ini memenuhi tema kajian, namun boleh ditambah baik untuk menimbulkan minat dan keinginan peserta kajian untuk terlibat secara sepenuh hati.
7	Suatu usaha yang sangat baik. Perlu lebih sistematik bagi menunjukkan outcome lebih fokus kepada pemboleh ubah bersandar
8	Pada keseluruhannya modul bimbingan ini boleh dilaksanakan selepas beberapa aktiviti dimurnikan.
9	Secara keseluruhannya, modul yang dibuat sangat sesuai dengan pendekatan psikospiritual Islam kontemporari. Tahniah.

Secara keseluruhannya, komen yang diberikan oleh pakar adalah positif dan banyak membantu dalam penambahbaikan modul MBI-Psi. Berdasarkan komen pakar penambahbaikan telah dilakukan agar modul MBI-Psi menepati objektif-objektif yang telah dinyatakan.

4.2. Dapatan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam

Proses penentuan kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-Psi) dilaksanakan kepada 30 orang remaja tingkatan dua sekolah menengah harian.

Sesi kelompok bimbingan dilaksanakan selama 10 sesi pertemuan. Setelah kesemua remaja mengikuti 10 sesi pertemuan dilaksanakan, instrumen kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-Psi) diberikan kepada remaja untuk menjawab. Instrumen dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan menggunakan kaedah pekali *alpha cronbach*. **Jadual 5** menunjukkan dapatan nilai kebolehpercayaan berdasarkan sesi dan aktiviti Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-Psi)

Jadual 5: Nilai Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi)

Modul	Nilai Alpha (α)
Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi)	0.95

Jadual 5 menunjukkan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi) mempunyai pekali kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.95. Menurut **Mohd Majid Konting (1990)** nilai *Cronbach Alpha* seharusnya melebihi 0.7, manakala **Kerlinger (1979)** nilai kebolehpercayaan yang mempunyai nilai α melebihi 0.6 pada aras signifikan 0.5 adalah penilaian yang baik. Oleh itu secara keseluruhannya MBi-Psi boleh diterima dan dipercayai untuk digunakan dalam intervensi bimbingan kelompok bagi meningkatkan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak remaja mangsa buli siber.

Jadual 6 menunjukkan nilai kebolehpercayaan berdasarkan sesi dan aktiviti bagi Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam.

Jadual 6: Nilai Kebolehpercayaan Berdasarkan Sesi dan Aktiviti Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam

Modul/Sub Modul	Aktiviti/Pengisian	Nilai α
Pra Sesi	Borang perjanjian termaklum	0.97
Sesi 1: Berkenalan	Memberi taklimat (etika kelompok) Aktiviti 1: Berkenalan (<i>taaruf</i>) dan membina hubungan (<i>rapport</i>)	0.98
Sesi 2: Analisis Diri 1 (<i>Ma'rifah an-Nafs</i>)	Aktiviti 2: Pengenalan Buli Siber	0.96
" <i>Advantage and Disadvantages Analysis</i> "	Aktiviti 3: Kekuatan, Kelemahan dan Potensi Diri	0.98
Sesi 3: Analisis Diri 2 (<i>Takhalli</i>)	Aktiviti 4: Kotak Supernova	0.95
"Teknik Rekod Pemikiran Tidak Rasional"	Aktiviti 5: Peristiwa di alam siber	0.95
Sesi 4: Keajaiban Hati (<i>Takhall</i>)	Aktiviti 6: Penyakit-Penyakit hati	0.96
" <i>Exposure-Pendedahan</i> "	Aktiviti 7: Gunting dan Buang	0.97
Sesi 5: Kemana arahku (<i>Takhalli</i>)	Aktiviti 8: I-Cat Siber	0.97
"Penstruktur Semula Kognitif"	Aktiviti 9: Ku Sedar (Tayangan Video)	0.98
Sesi 6: Liku-Liku Hidupku (<i>Takhalli</i>)	Aktiviti 10: Daya tindak hadapi buli siber	0.96
" <i>Thought Stopping</i> "	Aktiviti 11: Misi Diri	0.98
Sesi 7: Ubat Diri 1 (<i>Tahalli</i>)	Aktiviti 12: Keperluan Penghargaan Kendiri	0.95
" <i>Problem Solving</i> "	Aktiviti 13: Keperluan Efikasi Kendiri	0.96
Sesi 8: Ubat Diri 2 (<i>Tahalli</i>)		
" <i>Building up confidence</i> "		

Sesi 9: Nilai Diri (<i>Muhasabah</i>) "Penstrukturan semula kognitif"	Aktiviti 14: Semak Semak Tindakan Perubahan Diri	0.97
Sesi 10: Inilah Jalanku (<i>As-Saadah</i>) "Teknik Relaksasi dan Home Work"	Aktiviti 15: Surat Ucapan Penutup Aktiviti 16: Penamatan/Rumusan	0.98 0.97
Keseluruhan		0.95

Berdasarkan kajian rintis MBI-PsI nilai kebolehpercayaan keseluruhan adalah baik melebihi aras .60 iaitu .927. Nilai alpha tertinggi adalah 0.98 bagi aktiviti berkenalan (taaruf) dan membina hubungan (*rapport*), kekuatan, kelemahan dan potensi diri, ku sedar, misi diri dan aktiviti surat ucapan penutup. Manakala *Cronbach Alpha* terendah adalah .95 adalah kotak supernova, aktiviti peristiwa di alam siber dan aktiviti keperluan penghargaan sendiri. Dapatan berkenaan menunjukkan MBI-PsI boleh diterima dan dipercayai serta boleh digunakan dalam intervensi dalam meningkatkan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak pelajar mangsa buli siber.

5. Perbincangan

Kajian ini bertujuan mengukur kesahan dan kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-PsI) terhadap remaja mangsa buli siber. Modul MBI-Psi berasaskan gabungan teori konvensional iaitu Terapi Kognitif Tingkah laku (TKT) dan terapi keagamaan iaitu Psikospiritual Islam al-Ghazali. Keperluan integrasi agama dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah diperakui oleh *American Psychological Association* (APA) dan *American Counselling Association* (ACA).

Modul MBI-PsI merupakan modul yang lengkap dan boleh digunakan kepada remaja mangsa buli siber kerana telah melalui pengujian kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian pembinaan modul oleh [Mohd Zaharen \(2020\)](#), [Norsayyidatina \(2017\)](#), [Md Noor Saper et al. \(2016\)](#) dan [Haizan \(2013\)](#) turut melalui pengujian kesahan dan kebolehpercayaan bagi memastikan kandungan modul mereka menepati keperluan dan boleh digunakan kepada sasaran. Berdasarkan pandangan [Russell \(1974\)](#), modul MBI-PsI telah melalui kesahan kandungan oleh penilai luar yang dilantik dan mendapati kandungan kandungan modul MBI-PsI menepati sasaran populasinya, boleh dilaksanakan dengan sempurna, bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan dan meningkatkan penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak remaja mangsa buli siber.

Selain itu juga kesahan kandungan MBI-PsI berdasarkan sesi dan aktiviti, keseluruhan pakar bersetuju bahawa MBI-PsI sesuai diaplikasikan kepada remaja mangsa buli siber. Kesahan kandungan berdasarkan [Russell \(1974\)](#) dan juga kesahan kandungan berdasarkan sesi dan aktiviti [Mohammad Aziz Shah \(2010\)](#) turut dilakukan oleh pengkaji sebelum ini iaitu oleh [Nur Azilah \(2021\)](#), [Mohd Zaharen \(2020\)](#) dan [Ahmad Jazimin et al. \(2016\)](#). Dari aspek kebolehpercayaan MBI-PsI didapati secara keseluruhannya adalah baik iaitu 0.95 iaitu melebihi 0.60. Nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.60 sering kali digunapakai sebagai indeks kebolehpercayaan yang boleh diterima ([Mohd Majid, 1998](#); [Pallant, 2001](#); [Siti Rahayah, 2003](#)). Bagi [Sekaran \(2003\)](#), nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima. Ini bermakna MBI-PsI mempunyai konsistensi yang baik dan boleh diterima serta digunakan dalam intervensi kepada remaja mangsa buli siber. Pengkaji sebelum ini seperti [Mohd Zaharen \(2020\)](#) dan [Norhanim Alwi dan Azemi Shaari \(2017\)](#) menjalankan kajian kebolehpercayaan terhadap pembinaan modul mereka.

6. Kesimpulan

Keseluruhannya, Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-PsI) merupakan sumbangan besar kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia. Modul MBi-PsI yang berasaskan kepada teori Terapi Kognitif Tingkah laku (TKT) dan Model Psikospiritual Islam al-Ghazali oleh [Salasiah \(2008\)](#), [Md Noor \(2012\)](#) serta [Nor Ezdianie dan Mohd Tajuddin \(2019\)](#) mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta sesuai digunakan dalam konteks tempatan iaitu Malaysia. Modul ini boleh digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah, kaunselor, fasilitator dan guru sebagai alternatif kepada pencegahan buli siber khususnya kepada mangsa buli siber dari aspek penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan daya tindak. Oleh itu kajian secara empirikal perlu dijalankan bagi melihat keberkesanan modul MBi-Psi terhadap remaja mangsa buli siber.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya responden kajian dalam menjayakan penerbitan ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang bantuan kewangan dan tajaan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Ahmad Jazimin Jusoh, Mohammad Nasir Bistamam & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2016). *Modul kaunseling kelompok CTRT*. Tanjung Malim. Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azianura Hani Shaari, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia*, 16(6), 1–16.
- Beck, A.T. (1976). *Cognitive therapy and emotional disorder*. New York: International Universities Press.
- Brady, K. P., Holcomb, L. B., & Smith, B. V. (2010). The Use of alternative social networking sites in higher educational settings: A case study of the e-learning benefits of Ning in education. *Journal of Interactive Online Learning*, 9(2), 151–170.
- Brinkman, W.-P. (1995). Design of a Questionnaire. *AAOHN Journal*, 43(4), 197–202. <https://doi.org/10.1177/216507999504300406>
- Chan, H. C. O, & Wong, D. S. W. (2015). Traditional school bullying and cyberbullying in Chinese societies: Prevalence and a review of the whole-school intervention approach. *Aggression and Violent Behavior*, 23(May), 98–108. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2015.05.010>

- Che Hasniza Che Noh, & Mohd Yusri Ibrahim. (2014). Kajian Penerokaan Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar UMT. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134(June), 323–329. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.255>
- Cohen, L., Manion, L., Morrison, K., & Publishers, R. (2009). Book Reviews Research Methods in Education (6th ed). *The A Ustr Alian Educational Researcher*, September.
- Creswell, J. W. (n.d.). *Research Design. Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*.
- Friedman, E. S., Thase, M. E., & Wright, J. H. (2008). Cognitive and Behavioral Therapies. *The Medical Basis of Psychiatry: Third Edition*, January, 1–799. <https://doi.org/10.1007/978-1-59745-252-6>
- Haizan Mohd Taha. (2016). Kesan Intervensi Rakan Mentor Terhadap Penghargaan Kendiri, Motivasi dan Gred bagi Pelajar Rendah Pencapaian Akademik di Sebuah Universiti Swasta. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9).
- Johnson, R. B., & Onwuegbuzie, A. J. (2004). Mixed Methods Research: A Research Paradigm Whose Time Has Come. *Educational Researcher*, 33(7), 14–26. <https://doi.org/10.3102/0013189X033007014>
- Kerlinger, F. N. (1979). A Conceptual Approach. *The Shadow of the Wall: Violence and Migration on the U.S.-Mexico Border*, 18–42. <https://doi.org/10.4324/9781351258241-3>
- Md Noor Saper, Nurul Ain Mohd Daud, & Norazani Ahmad. (2016). Kesahan dan kebolehppercayaan modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) ke atas pelajar bermasalah tingkah laku validity and reliability of islamic spiritual counselling module on troublesome students. *International Journal of Islamic Thought*, 9, 32–43. <https://doi.org/10.24035/ijit.9.2016.004>
- Md Noor Saper. (2012). Pembinaan Modul Bimbingan “Tazkiyah An-Nafs” Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Resiliensi Remaja. *Universiti Utara Malaysia*, 1–286.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2010). *Kesan kelompok bimbingan ke atas konsep kendiri, kelangsangan dan resiliensi di kalangan remaja*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2018). The development of a group guidance module for student self- development based on gestalt theory. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 84, 1310–1316. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.06.748>
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaharen Md Zahir, Md Noor Saper, & Mohammad Nasir Bistamam. (2019). Kesahan dan Kebolehppercayaan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs. *Journal Of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 9(1), 58–69. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol9.no1.6.2019>
- Nor Ezdianie Omar, & Mohd Tajuddin Ninggal. (2019). Teori Kaunseling Psiko-Spiritual Al-Ghazali: Suatu Pendekatan Alternatif dalam Intervensi Kaunseling. *Global Journal Al-Thaqafah*, 9(2), 69–78.
- Norhanim Alwi, & Azemi Shaari. (2017). Kesahan dan Kebolehppercayaan Intervensi Modul Kaunseling Rasional Emosi Tingkah Laku. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 63–75. <https://doi.org/10.32890/jps.20.2017.11545>
- Normalina Adenan, & Yusmarwati Yusof. (2019). Internet Usage Among the Vocational College Student in Johor Towards Information and Communication Integration. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(6), 19–23. <https://doi.org/10.35631/ijham.26003>
- Norsayyidatina Che Rozubi. (2017). *Kesan Program Kesejahteraan Psikologi Menggunakan Kaedah Bermain Kepada Kanak-Kanak Sekolah Rendah*. Tesis Dr. Fal. Uniersiti Malaya.

- Nur Aziilah Ismail. (2021). *Gejala Buli Siber dan Implikasi Terhadap Emosi, Motivasi dan Sosial dalam kalangan Murid di Bandar Seberang Jaya*. Tesis Master Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Liyana Mohd Ibrahim. (2016). *Kesan Bimbingan Kelompok Modul Penyesuaian Pemikiran Kerjaya Terhadap Ketidakefungsian Pemikiran Kerjaya dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Dr. Fal. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Olweus, D. A. (2014). Understanding and Researching Bullying: Some Critical Issues. *Psychology, January 2010*, 231–242.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual. A step by step guide to data analysis using SPSS for windows version 10*. Buckingham: Open University Press.
- Reynolds, C. R. (1984). Book Review: Psychological testing (5th ed.). *Journal of Psychoeducational Assessment*, 2(3), 263–265. <https://doi.org/10.1177/073428298400200312>
- Robinson, P. B., Stimpson, D. V., Huefner, J. C., & Hunt, H. K. (1991). An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 15(4), 13–32. <https://doi.org/10.1177/104225879101500405>
- Russell, J. D. (1977). Modular instruction;: A guide to the design, selection, utilization, and evaluation of modular materials (The Burgess educational psychology series for the teacher). *NSPI Journal*, 16(2), 16–16. <https://doi.org/10.1002/pfi.4180160212>
- Salasiah Hanin Hamjah. (2008). *Pendekatan dakwah al-irsyad al-nafsiyy menurut al-Ghazali. Satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia. Kubang, Kerian
- Sekaran, U. (2003). *Research and Markets: Research Methods for Business - A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1108/17506200710779521>
- Shukri Mohamad. (2019). Revolusi Industri 4.0 : Cabaran dan Peluang. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan akademik*. Serdang: Penerbit Uniersiti Putra Malaysia
- Siti Rahayah Ariffin. (2003). *Teori, konsep dan amalan dalam pengukuran dan penilaian*. Pusat Pembangunan Akademik Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Widing, C. & Milne, A. (2006). *Teach yourself cognitive behavioral therapy*. London: Mcgraw-Hill Companies, Inc.